

Kepada Kedudukan Bahasa Melayu dalam Tiga Kerajaan Melayu Awal: Satu Tinjauan Awal

Position of Malay language in three early Malay kingdoms: A Preliminary Study

¹Munaliza Zailan, ²Khairi Ariffin

¹Pelajar Phd, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

² Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: Munaliza Zailan (munasehan@gmail.com)

Published: 30 December 2023

To cite this article (APA): Zailan, M., & Ariffin, K. (2023). Position of Malay language in three early Malay kingdoms: A Preliminary Study. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(2), 64–77. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol1.2.5.2023>

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk memperlihatkan gambaran kedudukan bahasa Melayu dalam tiga Kerajaan Melayu iaitu Srivijaya, Majapahit dan Melaka. Matlamatnya adalah untuk menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai peranan penting dan berfungsi sebagai lingua Franca di rantau ini. Sebagai kajian awal, artikel ini adalah berdasarkan sumber sekunder yang dirujuk daripada perpustakaan di Arkib Negara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Maklumat dalam kertas kerja ini memberikan gambaran berhubung tentang latar belakang topik kajian. Selain itu, ia memberikan maklumat asas yang diperolehi daripada kajian lepas dan membantu membawa pemahaman yang menyeluruh berkenaan kedudukan bahasa Melayu dalam tempoh kajian ini.

Katakunci: bahasa Melayu, kerajaan Melayu, kegemilangan, masyarakat Melayu

Abstract

This article seeks to provide an overview of the position of the Malay language in three Malay Kingdoms: Srivijaya, Majapahit, and Malacca. The purpose is to demonstrate how the Malay language played a significant role as the region's lingua franca. As a preliminary investigation, this article draws on secondary sources from the National Archives of Malaysia and Sultan Idris Education University libraries. The information in this paper delivers insight into the topic's background. It also offers basic information obtained from earlier research and contributes to a thorough knowledge of the situation of Malay language during the period of investigation.

Key word: British colonizers, Malay language, Malay kingdoms, glory, Malay community

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Melayu di Alam Melayu dan digunakan secara meluas sejak dari dahulu lagi. Namun, dewasa ini masyarakat Melayu lebih terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi yang hampir menenggelamkan bahasa Melayu. Ini disebabkan, penggunaan bahasa Inggeris diutamakan sebagai komunikasi harian di seluruh dunia kerana bahasa ini lebih berpengaruh berbanding lain-lain bahasa. Makalah ini menghuraikan sejarah berhubung kedudukan bahasa Melayu yang pernah diiktiraf sebagai bahasa *lingua franca* pada suatu masa dahulu. Kedudukan tinggi bahasa Melayu ini berpunca daripada perkembangan aktiviti perdagangan dan perkembangan agama di Alam Melayu. Oleh itu, kertas kerja ini memberi tumpuan kepada kedudukan bahasa Melayu dalam tiga buah kerajaan Melayu Awal iaitu Kerajaan Srivijaya, Kerajaan Majapahit dan Kerajaan Melayu Melaka sebelum kedatangan penjajah Barat ke Alam Melayu

Latar Belakang

Sebelum kedatangan pedagang India ke Alam Melayu, bahasa yang digunakan oleh penduduk setempat dikenali sebagai bahasa Melayu Purba yang telah wujud pada zaman prasejarah dan diandaikan wujud sejak 2500 sebelum Masihi, namun, kewujudannya tidak mempunyai bukti sejarah yang kukuh.¹ Kedatangan para pedagang menyebabkan bahasa Melayu Purba menerima pengaruh daripada bahasa Sanskrit yang membentuk bahasa Melayu Kuno. Bahasa Melayu Kuno merupakan salah satu cabang bahasa Nusantara yang turut berada dalam kumpulan bahasa Sumatera dan penutur jati bagi bahasa Melayu Kuno terdiri daripada penduduk yang tinggal di Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Sumatera. Selain itu juga, Bahasa Melayu Kuno turut dituturkan di antara penduduk Alam Melayu dengan pendatang dalam urusan perdagangan. Pembuktian ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu Kuno merupakan salah satu bahasa yang terkenal dan mudah difahami sehingga menjadi alat perhubungan dalam kalangan penduduk Alam Melayu.

Sebelum Masihi, Selat Melaka telah digunakan oleh pedagang Arab sebagai laluan pelayaran bagi membawa barang dagangan ke Sumatera dan India dari Tanah Arab. Ketika itu, pelabuhan Sumatera terkenal dengan hasil rempah yang sangat diperlukan di dunia Arab dan bekalan rempah tersebut diperoleh daripada Pulau Maluku dan Aceh.² Situasi ini menyebabkan pelabuhan di Alam Melayu bukan sahaja menjadi tempat persinggahan³ tetapi menjadi pelabuhan utama bagi pedagang Arab. Para mubaligh Hindu juga turut datang ke Alam Melayu melalui jalan yang telah dirintis oleh pedagang Arab dengan tujuan menyebarkan agama Hindu di Alam Melayu kesan daripada perkembangan agama Buddha di India.⁴ Justeru itu, pelaut Hindu telah berlayar ke Alam Melayu sehingga menyebabkan bertapak agama Hindu-Buddha seawal abad ke tiga di Vietnam.⁵ Di samping itu, kerajaan Srivijaya yang terletak di Sumatera juga menjadi pusat penyebaran agama Hindu-Buddha. Perkembangan agama Hindu-Buddha di Alam Melayu memperkayakan bahasa Melayu Kuno melalui pengaruh daripada bahasa Sanskrit sehingga berkedudukan bahasa Melayu berubah menjadi bahasa yang tinggi kedudukannya.⁶

Bahasa Sanskrit yang digunakan secara meluas sejak abad pertama lagi dengan kewujudan kerajaan Hindu di Alam Melayu di samping penggunaan bahasa Tamil. Kewujudan kedua-dua bahasa ini boleh dibuktikan dengan penemuan batu bersurat dalam bahasa Sanskrit dengan tulisan Pallava seperti batu Bersurat Ciaruteum, Kebun Kopi dan Jambu. Manakala batu bersurat dalam bahasa Tamil pula dijumpai di Takuapa, Thailand. Hal ini terjadi kerana bahasa Sanskrit adalah bahasa golongan kelas atasan bagi penganut agama Hindu dan tidak boleh

dipelajari dengan sewenang-wenangnya kecuali individu tersebut berasal daripada kasta yang tinggi. Namun, keadaan ini berbeza dengan bahasa Melayu kerana boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja tanpa sekatan. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu telah digunakan secara meluas oleh rakyat biasa sebagai bahasa pertuturan harian dengan bebas. Tambahan pula, kehadiran kedua-dua bahasa ini bukanlah diterima secara bulat-bulat tetapi mengalami perubahan mengikut kesesuaian dari segi fonologi dan semantik.⁷ Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu dengan mudah menerima pengaruh daripada bahasa lain kesan daripada pengaruh agama Hindu dan penyebaran agama Islam, serta faktor penjajahan kuasa Barat seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hussein;

Melalui pengaruh bahasa Sanskrit bahasa Melayu mengalami evolusinya yang pertama. Dari bahasa masyarakat yang agak rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuannya. Bahasa Melayu mengalami perubahan pertama ke arah bahasa sarjana, yang sanggup menyampaikan idea baharu yang tinggi-tinggi.⁸

Dalam persejarahan Melayu, Tun Seri Lanang⁹ yang dianggap sebagai pelopor kepada penulisan tentang perkembangan bahasa Melayu iaitu zaman kegemilangan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca*. Penulis juga menyelitkan tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa sastera, bahasa undang-undang dan bahasa persuratan dalam teks *Sejarah Melayu*. Perkembangan bahasa Melayu ini adalah ekoran daripada perkembangan agama Islam di Melayu serta hubungan kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan lain.

PERBINCANGAN

Bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai warisan budaya dalam masyarakat Melayu di Alam Melayu.¹⁰ Ia tidak sekadar sebagai alat komunikasi harian tetapi sebagai bahasa utama yang digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan. Bahasa Melayu telah berkembang dengan pesat sehingga mencapai status sebagai bahasa rasmi, bahasa pengantaraan, bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, dan bahasa perundangan. Selain itu, bahasa Melayu juga berfungsi alat komunikasi dalam urusan perdagangan bagi memudahkan interaksi antara penduduk tempatan dengan pendatang asing di Alam Melayu.

Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa pertuturan utama dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi turut merentasi pelbagai kawasan di Alam Melayu.¹¹ Ia menjadi bahasa pertuturan harian yang menghubungkan komunikasi di seluruh rantau termasuk di Tanah Melayu, Kepulauan Riau, Sumatera, Brunei, Selatan Thailand, Selatan Filipina, Kemboja, Laos, Vietnam, Sri Langka, Afrika Selatan, Madagascar, Pulau Cocos, Pulau Krismas di Australia, serta kawasan-kawasan penghijrahan bangsa Melayu di seluruh dunia.¹² Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang meluas ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu dituturkan oleh sebilangan besar masyarakat di dunia dan menjadikannya bahasa yang sangat penting.¹³

Bahasa Melayu awal mencapai kedudukan yang gemilang dalam tiga buah kerajaan Melayu Awal yang terdiri daripada Kerajaan Srivijaya, Kerajaan Majapahit dan Kerajaan Melayu Melaka. Ketiga-tiga kerajaan Melayu ini merupakan tiga buah pusat perkembangan agama yang berbeza-beza kerana pada abad ke 11 hingga ke12 merupakan zaman peralihan daripada pengaruh Hindu kepada pengaruh agama Islam di Alam Melayu. Bahasa Melayu Kuno mencapai zaman kegemilangan pada abad ke-7 hingga abad ke-13, seiring dengan

kegemilangan kerajaan Srivijaya.¹⁴ Bahasa Melayu tersebar luas melalui perhubungan sosial, penaklukan, dan peluasan kuasa, sehingga bahasa Melayu digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk urusan perdagangan.¹⁵ Pelabuhan Srivijaya menjadi tempat di mana semua pedagang wajib menggunakan bahasa Melayu dalam urusan sehingga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca*.¹⁶

Penggunaan bahasa Melayu dalam kerajaan Srivijaya dapat dibuktikan dengan penemuan batu bersurat yang pertama iaitu bersurat Kedudukan Bukit di Palembang pada 683 Masihi, Bersurat Talang Tuwo pada 684 Masihi dan bersurat Kota Kapur pada 686 Masihi serta bersurat Karang Berahi pada 692 Masihi.¹⁷ Keempat-empat batu bersurat tersebut ditulis dalam tulisan Pallava iaitu tulisan yang digunakan oleh kerajaan Hindu-Buddha yang juga merupakan tulisan India Selatan purba dan turut digunakan dalam penyebaran agama Hindu-Buddha. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menerima pengaruh bahasa Sanskrit.¹⁸ Selain ia membawa maksud bahawa kedua-dua bahasa ini saling memperkaya dan memperkukuhkan melalui proses adaptasi.

Kerajaan Srivijaya juga merupakan pusat pengajian agama Buddha terbesar di Alam Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi di pusat pengajian.¹⁹ Kitab-kitab agama Hindu-Buddha juga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang menunjukkan perkembangan bahasa Melayu dalam bidang sastera dan penulisan. Walaupun tidak diketahui tentang kewujudan sekolah formal yang menggunakan bahasa Melayu tetapi bahasa Melayu tetap menjadi bahasa utama dalam interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. Kegemilangan kerajaan Srivijaya menyebabkan berlakunya penyebaran bahasa Melayu ke seluruh daerah yang ditakluki, termasuk Sumatra, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Tanah Genting Kra, dan Sri Langka.²⁰ Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pertuturan utama, termasuk dalam urusan perdagangan yang melibatkan pedagang tempatan dan asing.²¹ Ternyata Penyebaran bahasa Melayu tidak hanya melalui penaklukan, tetapi juga melalui perhubungan sosial seperti perkahwinan dan peluasan kuasa yang menjadikannya kedudukan bahasa Melayu semakin kukuh.²²

Penggunaan bahasa Melayu dalam kerajaan Srivijaya juga termasuk dalam bidang undang-undang, pemerintah, bahasa rasmi, perdagangan, ilmu, dan budaya yang menunjukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang penting.²³ Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa *lingua franca* di kalangan pedagang, tetapi juga digunakan oleh para mubaligh dalam menyebarkan agama Hindu-Buddha.²⁴ I-Tsing mencatat terdapat seribu orang penuntut agama Buddha yang belajar dalam bahasa Melayu di pusat pengajian menunjukkan kepentingan bahasa Melayu dalam penyebaran agama Buddha. Bahasa Melayu juga digunakan sebagai bahasa komunikasi dan kitab-kitab agama Hindu-Buddha turut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.²⁵ Kegemilangan bahasa Melayu kuno semasa zaman Kerajaan Srivijaya merupakan tonggak penting dalam sejarah perkembangan dan penyebaran bahasa Melayu di Alam Melayu. Hal ini membuktikan bahawa kedudukan bahasa Melayu adalah seiring dengan kedudukan bahasa Sanskrit dalam kerajaan Srivijaya dan digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di dalam kerajaan Srivijaya.²⁶

Kemunculan Kerajaan Majapahit menjadi peristiwa penting yang menggantikan peranan Kerajaan Srivijaya di Alam Melayu. Kerajaan Majapahit, berpusat di Pulau Jawa yang menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa rasmi.²⁷ Namun, bahasa Melayu tetap memegang peranan penting terutama dalam hubungannya dengan wilayah-wilayah di negeri-negeri Melayu seperti Jambi dan Sumatera. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Majapahit tidak

menolak penggunaan bahasa Melayu.²⁸ Golongan intelektual seperti Gajah Mada juga menguasai bahasa Melayu.²⁹

Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam kerajaan Majapahit terutama dalam bidang kesusasteraan. Ini kerana cerita-cerita Panji Jawa ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang turut dikenali sebagai Panji Melayu sebelum disebarkan ke seluruh Alam Melayu. Cerita-cerita Panji digunakan sebagai alat propaganda antara yang terkenal *Galuh Cendera Kirana dan Awang Sulung Merah Muda. Hikayat Panji Semirang, Hikayat Kuda Semirang dan Hikayat Rangka Pari*. Cerita-cerita Panji diperkenalkan kepada masyarakat melalui medium wayang epik. Penterjemahan cerita panji tidak hanya menyebarkan kisah-kisah epik, tetapi menaikkan martabat bahasa Melayu dalam bidang kesusasteraan seiring dengan kedudukan bahasa Jawa. *Kitab Mahabharata* dan *Ramayana* yang merupakan kitab agama Hindu turut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kedua-dua kitab ini memainkan peranan penting dalam budaya dan kepercayaan penduduk Majapahit.³⁰ Aktiviti penterjemahan *Kitab Mahabharata* dan *Ramayana* ini menyebabkan bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Tamil.³¹ Kesimpulannya bahasa Melayu telah diguna oleh pemerintah kerajaan-kerajaan Melayu yang berada di bawah pengaruh agama Hindu-Buddha yang menunjukkan kedudukan bahasa Melayu yang penting di Alam Melayu.

Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu telah memiliki sistem tulisan sendiri iaitu aksara Pallava,³² Rencong,³³ dan Devanagiri atau Nagiri. Sistem tulisan Rencong merupakan sistem dieja yang pertama dalam bahasa Melayu dan dijumpai di Rejang dan Kerinchi di Sumatera. Manakala, penggunaan aksara Pallava telah dijumpai dalam kesan peninggalan kerajaan Srivijaya dan Majapahit. Kedatangan Islam bukan sahaja membuka lembaran baru kepada kedudukan bahasa Melayu. Ini kerana kedatangan Islam telah memperkasakan dan memperkayakan bahasa Melayu melalui penggunaan tulisan Jawi dalam aspek kosa kata, struktur ayat dan sistem tulisan.³⁴ Kedatangan Islam bukan sahaja membuka lembaran baru kepada kedudukan bahasa Melayu kerana kedatangan Islam telah memperkasakan dan memperkayakan bahasa Melayu melalui penggunaan tulisan Jawi terutama dalam aspek kosa kata, struktur ayat dan sistem tulisan.³⁵ Bahasa Melayu bukan sahaja dijadikan alat penyebaran agama tetapi mengalami perkembangan dalam bentuk tulisan.³⁶ Penggunaan tulisan Jawi menjadi penting dalam memperkuat kedudukan bahasa Melayu, walaupun masih dipengaruhi oleh huruf-huruf India.³⁷ Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam dan terus berkembang seiring dengan perubahan dalam masyarakat dan kepercayaan.

Bukti paling awal tentang tulisan Jawi iaitu Batu Bersurat Terengganu yang menjelaskan tentang kewujudan tulisan orang Melayu dalam bahasa Melayu. Tulisan Jawi merupakan huruf-huruf dan perbendaharaan Arab yang diadaptasi ke dalam bahasa Melayu dan merupakan sistem tulisan rasmi bagi orang Melayu.³⁸ Penciptaan huruf Jawi dengan menerima 29 huruf Arab yang sedia ada dan turut ditambah dengan lima huruf yang berasal daripada bahasa Parsi yang sesuai dengan bunyi pada lidah) kaum Melayu.³⁹ Huruf-huruf tersebut *ca, pa, ga, nga* dan *nya*, penambahan huruf-huruf ini dapat dibuktikan melalui penemuan Batu Bersurat Terengganu yang mempunyai 34 huruf Jawi.⁴⁰ Ini membuktikan tulisan orang Melayu dipengaruhi dengan bahasa Arab, walaupun masih menggunakan huruf-huruf daripada India.⁴¹ Tambahan bahasa Melayu kuno rumit penggunaannya dalam urusan menterjemah dan memahami al-Quran dan Hadis.⁴²

Bahasa Melayu telah digunakan sebagai alat penyebaran agama Islam yang dibuktikan dengan penemuan batu bersurat penting dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Penemuan

ketiga-tiga batu bersurat ini adalah bukti yang kukuh tentang hubungan agama Islam dengan perkembangan bahasa Melayu di Alam Melayu. Batu-batu bersurat tersebut iaitu Batu bersurat Pagar Ruyung pada 1356, Batu Bersurat Minye Tujuh, Aceh dalam tahun 1380 dan Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu pada 22 Februari 1303.⁴³ Namun, batu bersurat Kuala Berang, Terengganu menggunakan tulisan Jawi dan berbeza dengan batu bersurat sebelum ini yang menggunakan bahasa Sanskrit.⁴⁴ Selain, dijumpai pada batu bersurat, tulisan bahasa Melayu juga dijumpai pada kulit kambing, kertas, ukiran kayu, gading, buluh, daun lontar dan beberapa manuskrip para pedagang.

Bahasa Melayu mengalami perubahan yang penting terutama semasa zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-14. Ini kerana pelabuhan yang berada di sepanjang Selat Melaka merupakan pusat perdagangan rempah yang terkenal termasuk pelabuhan Melaka.⁴⁵ Pada awalnya pelabuhan Melaka merupakan sebagai tempat persinggahan para pedagang terutama pedagang India dan pedagang Cina.⁴⁶ Menurut Tom Pires, pelabuhan Melaka merupakan sebuah pelabuhan kosmopolitan yang utama di Asia Tenggara dan mungkin juga di dunia.⁴⁷ Ini menyebabkan wujud berbagai jenis bahasa yang dituturkan di pelabuhan Melaka. Justeru itu, sultan Melaka mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Melaka, maka bahasa Melayu dituturkan oleh para pedagang yang singgah di Melaka dalam pelbagai urusan,⁴⁸ Para pedagang yang datang ke pelabuhan Melaka berusaha mempelajari bahasa Melayu bagi memudahkan hubungan dua hala terutama dalam urusan perniagaan dan perdagangan. Ketika itu, dinyatakan terdapat 59 suku orang yang menetap sementara di Melaka dengan 84 jenis bahasa pertuturan.⁴⁹

Maka sesiapa yang berada atau datang ke pelabuhan Melaka mesti mampu bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik, jika tidak mahir bertutur dalam bahasa Melayu akan dianggap tidak orang terpelajar dan juga akan dianggap “kekampungan”.⁵⁰

Selain itu, bahasa Melayu menjadi bahasa utama yang digunakan dalam pentadbiran kerajaan Melaka dan dalam aktiviti perdagangan serta menjadi bahasa *lingua franca* kepada para pedagang.⁵¹ Kesemua peranan ini menunjukkan bahawa kegemilangan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan agama Islam di Melaka yang dibuktikan dengan kenyataan Winstedt;⁵²

Perlak and pasai in North Sumatra were the first Malay Centres for the propagation of the Muhammadan faith and culture. At Pasai, in 1407 was buried Abdul’illah ibn Muhammad ibn Abdul’l Kadir ibn Abdul’l Azis ibn Al-Mansur Abu Ja’far al-Abbasi al-Muntasir, a missionary from Delhi of the house of the Abbasside’s who furnished Caliphs from the time of Prophet till it was destroyed by the Turks in 1258. Pasai converted Malaka. A center greater than itself.

Agama Islam berkembang ke seluruh Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan, perniagaan, diplomatik, perkahwinan dan penaklukan.⁵³ Orang Melayu mempelajari agama Islam daripada pendakwah Islam yang datang dari Timur Tengah dengan menggunakan bahasa Arab dan bahasa Parsi.⁵⁴ Hal ini menyebabkan pengaruh bahasa Arab dan bahasa Parsi meresap masuk ke dalam bahasa Melayu.⁵⁵ Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu yang digunakan dalam pengajaran al-Quran dan semua perkara yang berkaitan dengan ibadah, sirah, taksir, ibadat dan muamalat.⁵⁶ Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan dalam penyebaran agama Islam tetapi mampu mengungkap dan memperjelaskan pelbagai perkara yang rumit dan abstrak yang sukar dinyatakan secara lahiriah tetapi mampu dilaksanakan oleh bahasa Melayu dengan baik.⁵⁷ Ini

membuktikan bahawa bahasa Melayu juga menjadi bahasa ilmu dan Melaka menjadi di pusat penyebaran agama Islam di Alam Melayu.⁵⁸

Bahasa Melayu turut, meminjam aspek kota kata, struktur kata dan tulisan daripada bahasa Arab bagi tujuan untuk memberi makna kepada perkataan-perkataan baru yang berkaitan dengan agama Islam. Di samping itu, karya-karya penting dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti Hikayat Nabi Muhammad, kitab *Maklumat*, kitab *Durru al-Manzum* dan Kitab Miraatut- Thullab dan karya Maulana Abu Ishak.⁵⁹ Ia bertujuan untuk memudahkan pemahaman dan bahan rujukan bagi mendalami agama Islam.⁶⁰ Penggunaan bahasa Melayu semakin berkembang apabila golongan bijak pandai dalam bidang agama menggunakan bahasa Melayu sebagai alat penyebaran agama Islam di pusat pengajian agama seperti rumah ulama, madrasah, pondok atau surau sehingga ke istana kerana tempat ini mudah dan sentiasa dikunjungi oleh orang Melayu.⁶¹ Tambahan, sultan Melaka juga sangat berminat untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan agama Islam.⁶²

Bahasa Melayu juga digunakan dalam penulisan hukum kanun berasaskan kepada hukum Islam, merangkumi undang-undang Jenayah, muamalat dan keluarga. Ini menunjukkan bahasa Melayu digunakan dalam penulisan undang-undang. Berikut merupakan salah satu fasal yang di petikan dalam Hukum Kanun Melaka berkenaan dengan undang-undang keluarga;⁶³

Pada menyatakan syahid pada nikah itu. Adapun sekurang-kurangnya saksi pada kahwin itu empat orang tetapi jikalau tiada empat, dua orang pun padalah. Saksi yang mursyid. Maka jikalau kurang daripada dua itu, maka ia itu zina tiadalah sah kahwin itu, karena saksi itu. Adapun yang harus akan saksi (orang bersaksi itu). Orang yang salih dan adalah dan sah akan saksi fasik dan abdi dan perempuan. Adapun harus saksi pada perempuan, dua hal juga. Hanya suatu saksi akan haid kedua saksi akan hamil juga tiada berlaki-laki daripada itu. Adapun akan kahwin itu tiada harus bersaksi dengan abdi dan fasik dan perempuan atas *kaul azhar*. Adapun erti azhar itu pada ma'nanya nyata. Itulah saksi itu hukumnya.

Daripada fasal 26 menunjukkan bahawa hukum kanun Melaka berasas kepada undang-undang Islam seiring dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi.⁶⁴ Keupayaan bahasa Melayu menyampaikan maksud-maksud yang jelas dalam pengembangan agama Islam dalam kalangan orang Melayu. Selain di Melaka, undang-undang ini juga terdapat di lain-lain negeri seperti Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Dato' Star dan Hukum Kanun Brunei turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Ini membuktikan bahasa Melayu bukan sahaja digunakan sebagai bahasa lisan tetapi digunakan dalam penulisan bagi memudahkan proses penyerapan ilmu pengetahuan dan perundangan.⁶⁵

Di samping itu, pelabuhan Melaka pusat perdagangan yang strategi sehingga menjadi tumpuan para pedagang timur dan Barat.⁶⁶ dan bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa pertuturan utama bagi mengatasi masalah perbezaan bahasa antara pedagang asing.⁶⁷ Ini merupakan satu pengiktirafan terbesar terhadap bahasa Melayu, sekali gus meletakkan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.⁶⁸ Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;⁶⁹

Sesiapa yang tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu dianggap sebagai golongan tidak terpelajar.

Petikan di atas membuktikan bahawa bahasa Melayu menjadi salah satu bahasa pertuturan utama dalam kalangan pedagang asing dan wajib mendalami sehingga mahir. Sesiapa tidak mahir bertutur dalam bahasa Melayu akan dianggap tidak orang terpelajar dan juga akan dianggap “kekampungan”.⁷⁰ Kedatangan para pedagang daripada pelbagai negara menyebabkan bahasa Melayu tersebar dan dituturkan di pelabuhan besar dunia seperti Kaherah, Cambay dan Venice. Ketiga-tiga pelabuhan ini merupakan pelabuhan utama yang terletak di antara Eropah dengan Timur.⁷¹ Ini dapat dibuktikan dengan ungkapan yang dituturkan oleh seorang ahli Sejarah Belanda di Melaka iaitu Francios Valentijn;⁷²

Bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri-negeri Timur, sebagai bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap masyarakat, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya, tidak mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi, bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke kepulauan Filipina.

Petikan di atas menunjukkan bahasa Melayu tersebar dengan luas dan kedudukannya setanding dengan bahasa Perancis dan bahasa Latin di Eropah. Kegemilangan bahasa Melayu ketika zaman kesultanan Melayu Melaka turut tersebar sehingga ke negara China ekoran daripada hubungan yang sangat erat dengan Dinasti Ming di China. Kaisar Ming Cheng Zhu menubuhkan ‘Si Yi Guan’ atau Balai Bahasa Negeri-Negeri Asing tujuan untuk menterjemah surat-surat daripada negara luar termasuk utusan-utusan daripada Sultan Melayu kerana surat-surat tersebut di tulis dalam bahasa Melayu.⁷³ Penterjemahan surat-surat ini dilaksanakan oleh para pelajar maktab bahasa asing bagi memudahkan urusan penghantaran ufti dan bagi menjalinkan hubungan yang baik dengan negara luar.⁷⁴ Ia bertujuan mengukuhkan hubungan diplomatik antara dua kerajaan. Kedua-dua kamus ini disusun di antara tahun 1403 sehingga 1511 ketika hubungan negara China dengan Kerajaan Melayu Melaka sangat erat sebelum kedatangan orang Portugis. Bagi negara China, jabatan ini diteruskan oleh Dinasti Qing tetapi ditukar nama kepada Hui Tong Si Yi Guan pada tahun 1748.

KESIMPULAN

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam perkembangan dan perhubungan masyarakat di dalam kerajaan Srivijaya, kerajaan Majapahit dan kerajaan Melayu Melaka Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantaraan dalam hubungan masyarakat Melayu dengan para pedagang asing antaranya pedagang Cina, Arab, India, Parsi, Portugis dan Belanda. Para pedagang menggunakan bahasa Melayu dengan pelbagai tujuan antaranya sebagai bahasa perhubungan dan bahasa komunikasi dalam perniagaan sehingga membolehkan bahasa Melayu menjadi bahasa utama di ketiga-tiga buah kerajaan tersebut sehingga merentasi sempadan budaya bagi menyatukan masyarakat yang pelbagai bangsa. Penguasaan bahasa Melayu bukan sahaja memudahkan komunikasi dua hala tetapi dapat memupuk hubungan yang kukuh antara masyarakat di ketiga-tiga kerajaan tersebut. Bahasa Melayu juga digunakan dalam usaha pengembangan ajaran agama yang pelbagai seperti agama Hindu-Buddha, agama Islam dan agama Kristian. Maka dapat disimpulkan bahawa bahasa Melayu mencerminkan warisan yang berharga dan terus menjadi aset penting dalam budaya dan identiti masyarakat Melayu sehingga kini. Bahasa Melayu tidak hanya sebagai alat

pertuturan tetapi simbol keagungan budaya orang Melayu. Bahasa Melayu memiliki kedudukan yang tinggi dalam tiga buah kerajaan Melayu awal yang berkuasa pada masa lampau melalui peranan sebagai bahasa perdagangan, bahasa perhubungan dalam kalangan raja-raja, dengan penguasa tempatan dan asing.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan kaki tangan Perpustakaan di Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris banyak membantu dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi peluang untuk menerbitkan makalah ini.

Bibliografi

- Abu Bakar Hamid. (1983). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2004). *Visit Historic Melaka Means Visit Malaysia*. Pelancongan Kerajaan Negeri Melaka.
- Abdul Rahim, Rahimin Affandi, Ismail, Paizah, Abdul Majid, Mohd Kamil, Dahlal, Norhayati. (2010). "Batu Bersurat di Terengganu: Satu Analisis Kritikal Mengikut Perspektif Islam". *Jurnal Sejarah*.
- Abdul Rahman Abdullah. (1994). *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rashid Melebek, & Moain, Amat Juhari. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006). *Undang-Undang Perdagangan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Kegemilangan Bahasa Melayu. Kertas Kerja*. Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017, September 17). "Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea". *International Journal of West Asian Studies*. Vol.9. No 1. Kuala Lumpur.
- Anon. (2012, June 5). *Persada Kegemilangan Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Awang Satiyan. (2011, June 27). *Jangan Tunggu Nasi jadi Bubur. Rencana Bahasa Melayu*.

- Bernard Comrie. (1987). *The World's Major Languages*. United Kingdom, translated by Aishah Mahdi (1998). *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap. (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Fang, Liaw Yock. (2003). *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Yayasan Karyawan: Kuala Lumpur.
- Fatihah Jamhari. (2018, Februari 28). *Kedudukan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ibunda Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara Malaysia, Utusan Malaysia.
- Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, & Mohd Shariffudin. (2017). Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*, 2, 18-30. Universiti Putera Malaysia.
- Hugh Breanna. Language, Literacy, and the Alphabet yang diterjemahkan oleh Rahman Jaafar. (1994). *Bahasa, Celik Huruf dan Abad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iqbal, Uqbah, Seman, Ahmad Ali, & Hussin, Nordin. (2016). "Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial". Kertas Kerja. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isahak Haron. (2017, March 28). *Jadi Bahasa Lingua Franca Pedagang*. Akhbar Utusan.
- Ishak Saat. (2007). *Ilmu Sejarah antara Tradisi dan Moden*, Karisma Production Sdn Bhd, Selangor: Shah Alam.
- Jelani Harun. (2008). *Kajian Naskhah Undang-Undang adat Melayu di London*. Akademik Tentera Malaysia.
- Kamaruddin, Shariful, Muslat, Muhammad Wazir, & Salleh, Mohd Adlin. (2017, August 23). "Sistem Pendidikan Sekular Dalam Pertumbuhan dan perkembangan Pendidikan Masa Kini". Nasional Pre-University Seminar 2019. Selangor: Universiti Selangor.
- Liang Liji. (2009). *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Milner, A.C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press.
- Mohd Arof Ishak. (2009). *Tamadun Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Ashraf Ibrahim. (2004). *Gagasan Bangsa Malayan Yang Bersatu 1945-1957*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fazli Ghani. (2018, July 1). "Kerajaan Islam Samudra-Pasai". Akhbar Harakah.

- Mohd Fazli Ghani. (2018, July 1). *Kerajaan Islam Samudra-Pasai*. Akhbar Harakah.
- Muhammad Takari. (2013, September 10). *Melayu: Dari Lingua Franca ke Culture Franca*. Writing at University Jurnal. Indonesia: Universiti Sumatera Utara.
- Nordin Husin. (2008). *Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin Affandi Abdu Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abdul Majid, Norhayati Dahlal. Batu Bersurat di Terengganu: Satu Analisis Kritikal Mengikut Perspektif Islam. *Jurnal Sejarah*.
- Ramlah Adam. (2016, September 29). Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Dengan Kawasan Sekitar dan Antarabangsa. *Kertas Kerja Seminar Institusi Raja (Siraj IV)*. Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia
- Shariful Kamaruddin., Muslat, Muhammad Wazir bin Muslat, Mohd Adlin Salleh. (2017, August 23). *Sistem Pendidikan Sekular Dalam Pertumbuhan dan perkembangan Pendidikan Masa Kini*. Nasional Pre-University Seminar 2019. Universiti Selangor.
- Shellabear W.G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sufyana Maruf. (1987). *Kolej Islam Kelang, Sejarah Penubuhan dan Perkembangan. 1955-1980*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Cetakan Keempat (Bandung: Mizan November 1999). *Jurnal Melayu Pasai*.
- Winstedt R.O. (1935) A History of Malaya, *The Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society*. Singapura: Raffles Museum Singapore. Part 1. Volume XIII. March.
- Yahya Abu Bakar. (1995). *Perdagangan Awal Di Malaysia Pra-Melaka*. Kertas Kerja Polemik Sejarah Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1996). *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurina binti Abdullah (2018). Penentu Tempoh Perkembangan Bahasa Melayu Klasik: Satu Kajian Tinjauan. Kertas Kerja. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa

¹ Bahasa Melayu Purba adalah bahasa yang dituturkan oleh masyarakat tempatan sebelum kedatangan pedagang India abad ke-1.

² Pedagang Arab yang dimaksudkan tidak bererti beragama Islam kerana hubungan perdagangan telah wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Terutama dalam urusan perdagangan kapur barus yang dikatakan untuk menyimpan mayat.

³ Pelabuhan persinggahan adalah merujuk kepada *core* iaitu sebagai tempat pengumpulan barangan perdagangan khususnya di kawasan hilir lembah sungai utama di Kepulauan Melayu. Di samping membekalkan keperluan yang sesuai seperti air dan kayu api, makanan dan tempat menyimpan barangan.

⁴ Ahmad Jelani Halimi. (2006). *Undang-Undang Perdagangan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 9.

⁵ Ibid. hlm 9.

⁶ Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Selangor: Utusan Publications & Distributors. Sdn Bhd. hlm 57

⁷ Ibid. hlm 197.

⁸ Ibid. hlm 6.

⁹ Shellabear W.G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

¹⁰ Mohd Arof Ishak. (2009). *Tamadun Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. hlm 9.

¹¹ Amat Juhari Moain. (2006). Sejarah Kegemilangan Bahasa Melayu. *Kertas Kerja*. Selangor: Universiti Pertanian Malaysia. hlm 10 menyatakan Alam Melayu adalah merupakan tanah yang terletak di antara daratan Asia Tenggara dan benua Australia dan masyarakatnya bertutur dalam bahasa Melayu. Ia juga disebut sebagai Gugusan Pulau-Pulau Melayu membentuk negara-negara Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei dan juga meliputi Selatan Thailand, pulau di Selatan Myanmar, Pulau Cocos dan Pulau Krismas yang terletak di Australia.

¹² Bernard Comrie. (1987). *The World Major Languages*. United Kingdom diterjemahkan oleh Aishah Mahdi, (1998), *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 49.

¹³ Hugh Breanna. Language, Literacy, and the Alphabet yang diterjemahkan oleh Rahman Jaafar. (1994). *Bahasa, Celik Huruf dan Abad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 314.

¹⁴ Mohamad Takari. (September 2013). *Melayu: Dari Lingua Franca ke Culture Franca*. Kertas Kerja. Indonesia: University of Sumatera Utara, hlm 4.

¹⁵ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian dan Mohd Shariffudin. (2017). Kegemilangan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*. Vol. 2:18-28, hlm 22 dan lihat juga Bernard Comrie, 1987. *The World Major Languages*. United Kindom diterjemahkan oleh Aishah Mahdi. 1998. *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 57.

¹⁶ Ibid. hlm 9.

¹⁷ Ibid. hlm 8.

¹⁸ Bernard Comrie. *The World Major Languages*. hlm 57.

¹⁹ Iqbal, Uqbah, Seman, Ahmad Ali, & Hussin, Nordin. (2016). "Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial". *Kertas Kerja. Bangi*: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 10.

²⁰ Nik Safiah Karim. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm x.

²¹ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian dan Mohd Shariffudin. Kegemilangan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*. Vol. 2:18-28, hlm 22.

²² Bernard Comrie. *The World Major Languages*. hlm 57.

²³ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, Mohd Shariffudin. Kegemilangan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*. Vol. 2:18-28 hlm 25- Bahasa Melayu Klasik adalah Bahasa Melayu yang digunakan ketika zaman kerajaan Melayu Melaka. Bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* dalam hubungan orang Melayu dengan orang asing yang datang ke Srivijaya sebagai pedagang kerana kehebatan pemerintah Srivijaya terutama dari segi perdagangan. Sehingga menjadi pusat perdagangan yang terkenal dan berjaya menarik minat para pedagang asing untuk singgah di pelabuhan Srivijaya.

²⁴ Muhammad Takari. (2013, September). Melayu: Dari Lingua Franca ke Culture Franca. Writing at University Jurnal. Indonesia: Universiti Sumatera Utara. hlm 4.

²⁵ Ibid, hlm 10 dan I-Tsing ialah seorang rahib Buddha yang mengembara dan melawat kerajaan Melayu di Sungai batang dan kerajaan Srivijaya di Palembang

²⁶ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, & Mohd Shariffudin. (2017). *Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca*. hlm 22.

²⁷ Ahmad Jelani Halimi. *Undang-Undang Perdagangan Melayu Lama*. hlm 144 dan ketika ini, tulisan yang digunakan oleh masyarakat tulisan Nagiri dan tulisan Pallava serta tulisan Kawi yang mempunyai pengaruh tulisan India. Tulisan Pallavi adalah tulisan yang dibawa oleh orang India dan menjadi asas kepada pembentukan

tulisan Kawi. Tulisan Kawi merupakan tulisan yang digunakan pada abad ke-8 yang digunakan serentak dengan tulisan Jawi. Tulisan Kawi diasaskan oleh orang Jawa yang meminjam daripada bahasa Sanskrit

²⁸ Nik Safiah Karim. *Tatabahasa Dewan Edisi Tiga*. hlm 10.

²⁹ Abu Bakar Hamid. (1983). *Hikayat Hang Tuah*. (1983). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 122.

³⁰ Ibid. hlm 154

³¹ Ibid. hlm 155.

³² Tulisan Pallavi adalah tulisan yang dibawa oleh orang India dan menjadi asas kepada pembentukan tulisan Kawi.

³³ Tulisan Rencong iaitu huruf Melayu purba yang digunakan ketika zaman Kerajaan Srivijaya yang merupakan huruf tertua yang ditulis oleh orang Melayu di atas kulit haiwan, kulit kayu, atas ketulan batu. Tulisan ini telah pupus pada abad ke -18.

³⁴ Abdul Rahim, Rahimin Affandi, Ismail, Paizah, Abdul Majid, Mohd Kamil, Dahlal, Norhayati. (2010). "Batu Bersurat di Terengganu: Satu Analisis Kritikal Mengikut Perspektif Islam". *Jurnal Sejarah*. hlm 20.

³⁵ Ibid. hlm 11.

³⁶ Rahimin Affandi Abdu Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abdul Majid, Norhayati Dahlal. (2010) Batu Bersurat di Terengganu: Satu Analisis Kritikal Mengikut Perspektif Islam. *Jurnal Sejarah*. hlm 21.

³⁷ Yahya Abu Bakar. (1995). *Perdagangan Awal Di Malaysia Pra-Melaka*. Kertas Kerja Polemik Sejarah Malaysia. hlm 40.

³⁸ Syed Muhammad Naquib al Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Cetakan Keempat (Bandung: Mizan November 1999). hlm 64. dipetik dalam Sudirman, *Jurnal Melayu Pasai*, 15 Februari 2009 -kenyataan Syed Muhammad Naquib al Attas pada abad ke-16 dan ke-17 hanya terdapat istilah orang Melayu dan negeri Melayu sahaja. Pada awalnya istilah Jawi adalah sebutan orang Arab terhadap seluruh penduduk Kepulauan Melayu dan tulisan Arab iaitu pendakwah Islam berketurunan Arab menerapkan sistem tulisan Arab dalam tulisan Jawi dengan tujuan utamanya iaitu memudahkan bacaan kerana tulisan Jawi merupakan sesuatu yang baru bagi masyarakat Melayu

³⁹ Zainal Abidin Abdul Wahid. (1996). *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 41.

⁴⁰ Abdul Rahman Abdullah. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. hlm 405

⁴¹ Zurina binti Abdullah. (2018).Penentu Tempoh Perkembangan Bahasa Melayu Klasik: Satu Kajian Tinjauan. Kertas Kerja. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa. hlm 3.

⁴² Yahya Abu Bakar. *Perdagangan Awal Di Malaysia Pra-Melaka*. hlm 40.

⁴³ Bernard Comri. (1987). *The World Major Languages*. United Kingdom diterjemahkan oleh Aishah Mahdi. 1998. *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. hlm 57.

⁴⁴ Syed Muhammad Naquib al Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. hlm 224-menyatakan bahawa H.S Peterson dan C.O Blagden telah mengisytiharkan tarikh yang terdapat pada batu bersurat Terengganu iaitu 788 Hijrah/1386 Masihi tetapi telah diperbetulkan oleh Dr. Syed Muhammad Naquib al- Attas iaitu 702 Hijrah/1303 Masihi.

⁴⁵ Yahya Abu Bakar. *Perdagangan Awal Di Malaysia Pra-Melaka*. hlm 41 dan lihat juga Abdul Latif Abu Bakar. (2004). *Visit Historic Melaka Means Visit Malaysia*. Pelancongan Kerajaan Negeri Melaka.

⁴⁶ Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 39

⁴⁷ Ibid. hlm 26

⁴⁸ Anon. (2012, Julai 5). *Persada Kegemilangan Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan*. Arkib Negara.

⁴⁹ Zainal Abidin Abdul Wahid. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. hlm 41 dan lihat juga Ahmad Jelani Halimi menyatakan bahawa di pelabuhan Melaka terdapat pegangan yang datang dari Gujerat, India, China, bangsa Eropah, Sri Langka, Jepun dan banyak lagi. Hal ini telah menyebabkan terdapat 84 jenis bahasa yang dituturkan di Pelabuhan Melaka dengan beribu-ribu pedagang berdagang di sana, hlm 22- 33

⁵⁰ Milner A.C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press. hlm 3.

⁵¹ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, & Mohd Shariffudin. *Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca*. hlm 25- Bahasa Melayu Klasik adalah bahasa Melayu yang digunakan ketika zaman kerajaan Melayu Melaka.

⁵² Winstedt R.O. (1935). *A History of Malaya, The Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society. Singapura: Raffles Museum Singapore. Part 1. Volume XIII. March*. hlm 92.

⁵³ Sufyana binti Maruf. (1987). *Kolej Islam Kelang, Sejarah Penubuhan dan Perkembangan. 1955-1980*. Latihan Ilmiah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 15

⁵⁴ Amer Hudhaifah Hamzah. (2017, September 2017). "Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea". *International Journal of West Asian Studies*. Vol.9. No 1. Kuala Lumpur. hlm 26.

-
- ⁵⁵ Rahimin Affandi Abdu Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abdul Majid, Norhayati Dahlal, Batu Bersurat di Terengganu: Satu Analisis Kritikal Mengikut Perspektif Islam. *Jurnal Sejarah*. hlm 21.
- ⁵⁶ Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian, & Mohd Sharffudin. Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca -menyatakan Bahasa Melayu Klasik adalah bahasa Melayu yang digunakan ketika zaman kerajaan Melayu Melaka.
- ⁵⁷ Ibid.hlm 25.
- ⁵⁸ Amer Hudhaifah Hamzah. (2017, September 1). "Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea". *International Journal of West Asian Studies*. Vol.9. No 1. Kuala Lumpur. hlm 26.
- ⁵⁹ Mohd Fazli Ghani. (2018, July 1). Kerajaan Islam Samudra-Pasai. Akhbar Harakah dan lihat Abdul Rahman Ismail. Polemik Sejarah Malaysia. hlm 131.
- ⁶⁰ Ramlah Adam. (2016, September 29). Hubungan Luar Kesultanan Melayu Melaka Dengan Kawasan Sekitar dan Antarabangsa. *Kertas Kerja Seminar Institusi Raja (Siraj IV)*. Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia. hlm 8- menyatakan kitab tersebut digunakan oleh sultan sebagai rujukkan.
- ⁶¹ Ibid. hlm 9.
- ⁶² Shellabear W.G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti. hlm 151.
- ⁶³ Fang, Liaw Yock. (2003). *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Yayasan Karyawan: Kuala Lumpur. hlm 130-131.
- ⁶⁴ Ibid. hlm 130-131- Fasal 26.
- ⁶⁵ Fatimah Jamhari. (2018, 28 Februari). *Kedudukan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ibunda Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Arkib Negara Malaysia, Utusan Malaysia. hlm 1
- ⁶⁶ Rahimah Abdul Aziz. (1997). Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945) Suatu Analisis Sosiologi Sejarah. Dewan Bahasa dan Pustaka 39 dan lihat juga Shariful Bin Kamaruddin, Muhammad Wazir bin Muslat, Mohd Adlin Salleh. (2017). *Sistem Pendidikan Sekular Dalam Pertumbuhan dan Perkembangan Pendidikan Masa Kini*. Nasional Pre-University Seminar 2019. Selangor: Universiti Selangor.hlm6
- ⁶⁷ Ibid. hlm 39
- ⁶⁸ Nordin Husin. (2008). *Geografi dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada Perdagangan Dunia, Asia dan Dunia Melayu 1700-1800*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 73 dan lihat juga Iqbal, Uqbah, Seman, Ahmad Ali, & Hussin, Nordin. "Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra-Kolonial. hlm 60.
- ⁶⁹ Awang Satiyan. (27 Jun 2011). *Jangan Tunggu Nasi jadi Bubur*. Rencana Bahasa Melayu.
- ⁷⁰ Milner A.C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press. hlm 3
- ⁷¹ Abdul Rashid Melebek, & Moain, Amat Juhari. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.hlm 3 dan lihat juga Mohd Asraf Ishak. (2015). hlm dan Bernard Comrie (1987). hlm 56.
- ⁷² Nik Safiah Karim. *Tatabahasa Dewan Edisi Tiga*. hlm 14.
- ⁷³ Liang Liji. (2009). *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 137.
- ⁷⁴ Ibid. hlm 86.